

## **RANCANG PERJALANAN BALIK KAMPUNG DENGAN MYPLUS-TTA SEMPENA AIDILFITRI**

### **Patuhi saranan MyPLUS-TTA untuk perjalanan lebih lancar**

**Petaling Jaya, 9 Mac 2026** – PLUS menjangka terdapat lonjakan jumlah kenderaan yang menggunakan rangkaian lebuh raya kendaliannya pada hari-hari puncak khususnya aliran trafik keluar dari Lembah Klang menuju ke kampung halaman masing-masing bagi sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri 2026.

Sehubungan itu, PLUS menyarankan pengguna lebuh raya untuk merancang perjalanan pulang ke kampung dengan merujuk kepada jadual perjalanan digital, MyPLUS-TTA yang boleh diakses menerusi aplikasi PLUS. MyPLUS-TTA ini bertujuan untuk memudahkan pengguna lebuh raya untuk merancang perjalanan dengan lebih efisien dan seterusnya membantu memastikan aliran trafik yang lebih lancar di lebuh raya. Kini, MyPLUS-TTA boleh diakses bukan sahaja pada musim-musim perayaan, malah pada hari-hari puncak terpilih.

Dengan mematuhi MyPLUS-TTA, pengguna lebuh raya dijangka dapat menikmati perjalanan yang lebih lancar sepanjang musim perayaan.

Sepanjang musim perayaan, orang ramai boleh mendapatkan jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA untuk memilih waktu perjalanan yang paling optimum di Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) yang tersedia di aplikasi PLUS bagi perjalanan antara 18 Mac 2026 hingga 30 Mac 2026 akan datang. Aplikasi PLUS boleh dimuat turun secara percuma daripada Google Play Store (bagi pengguna Android) dan App Store (bagi pengguna Apple).

Pengguna boleh mengakses jadual perjalanan digital, MyPLUS-TTA melalui aplikasi PLUS dengan menekan ikon 'MyPLUS-TTA'. Selepas memilih tarikh, destinasi serta masa perjalanan, pengguna boleh menerima notifikasi trafik yang berkaitan. Selain itu, maklumat perjalanan seperti lokasi plaza tol, kawasan Rehat dan Rawat (R&R), hentian sebelah, kemudahan tersedia serta paparan kamera CCTV trafik masa nyata juga boleh disemak di aplikasi PLUS.

### **(Sila rujuk infografik yang disertakan)**

Pada masa yang sama, pengguna lebuh raya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi aplikasi PLUS, Pembantu Maya - PUTRI, mengikuti aplikasi X@plustrafik dan aplikasi X@lpt2trafik, paparan mesej elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih atau menerusi saluran stesen-stesen radio utama negara.

-TAMAT-

### **PERTANYAAN MEDIA:**

|                                                                                                                                                            |                                                                                                                                           |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Mashitah Mohd Arshad</b><br>Pemangku Ketua<br>Komunikasi Korporat<br>PLUS Malaysia Berhad<br>Telefon Bimbit: 013-209 7092<br>Emel: mashitah@plus.com.my | <b>Rofina Adam</b><br>Pengurus<br>Komunikasi Korporat<br>PLUS Malaysia Berhad<br>Telefon Bimbit: 012-657 4452<br>Emel: rofina@plus.com.my |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|